

Turki dan Adnan Menderes

Semboyan: Pemuda kembali bertindak
Mahasiswa kembali bergerak
Adnan Menderes jatuh tercampak
Demokrasi negara kembali tegak.



Tinjauan Luar Negeri

“L'histoire se repete” begitulah bunyi sebuah pepatah di dalam bahasa Perancis, yang mana ertinya kalau diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu adalah “sejarah itu berlangsung berulang-ulang kembali”. Pepatah itu memanglah benar, kerana bukankah baharu sahaja pada bulan yang lalu penulis telah memaparkan di dalam majalah ini berkenaan dengan peristiwa-peristiwa yang telah terjadi di Korea Selatan, di mana pemuda-pemuda dan mahasiswa-mahasiswa telah bertindak sedemikian hebatnya, sehingga pemerintahan Syngman Rhee yang berhaluan diktatorial dapat dijatuhkan, dan diganti dengan suatu pemerintahan yang demokratik menurut kehendak rakyat.

Kejadian ini berulang kembali di Turki, di mana pemerintahan diktatorial dari Perdana Menteri Adnan Menderes telah dapat ditumbangkan oleh rakyat dengan dorongan


pemuda-pemuda mahasiswa-mahasiswa dan dilaksanakan oleh anggota ketenteraan.

Untuk mendapat pandangan yang sempurna dari kejadian-kejadian itu, saya rasa adalah juga baiknya di sini dibentangkan serba sedikit tentang alam dan sejarah Turki dari mulanya sehingga menjelang kepada masa ini, supaya dapat kita fahamkan tentang pencerobohan-pencerobohan yang telah terjadi pada negara yang sentiasa bergelora sepanjang masa itu, dan di mana kaum-kaum diplomat segala bangsa telah memainkan peranan yang istimewa untuk mendapat hak-hak yang utama untuk kepentingan negaranya masing-masing.

Sejarah Turki:

Turki adalah sebuah republik di Asia Kecil; daerahnya juga meliputi sebahagian kecil dari Eropah

Tenggara. Luasnya 767,319 kilometer, penduduknya 22,461,000 jiwa. Terutama meliputi Semenanjung Asia Kecil yang terdiri atas dataran tinggi (800-1200 meter) dengan pergunungan-pergunungan pinggir, yang sebelah timur merupakan dataran tinggi Anadolu Timur (rata-rata 2,000 meter tingginya). Gunung yang paling tinggi: Ararat (5156 meter). Acap kali ditimpa gempa. Iklim daerah pendalaman iklim daratannya (musim panas sangat terik, musim sejuk sangat sejuk), sedikit hujannya; tumbuh-tumbuhan padang-padang rumput; daerah-daerah pesisir musim dinginnya lengas dan tidak berapa dingin; banyak hutannya. Penduduknya terutama terdiri dari bangsa Turki; selain dari itu juga tak sedikit orang Kurdi. Mata pencarinya masih berdasarkan pertanian (tanahnya subur, tetapi mutu pertaniannya belum tinggi). Di padang-padang rumput terdapat penternakan. Tanahnya banyak mengandungi logam-logam dan minyak;



Bala tentera Turki dalam satu perbarisan.

lombong-lombong belum begitu banyak. Industri disokong oleh pemerintah, terutamanya kilang-kilang bahan makanan, kain-kain, logam, kulit, tembakau, sutera dan minyak. Kuasa perundangan dipegang oleh Dewan Perwakilan Rakyat, dipilih langsung oleh lelaki dan perempuan yang berumur 22 ke atas. Presiden dipilih dari wakil-wakil dewan tersebut dan menjawat pangkat itu hingga pemilihan yang berikut. Ibu kotanya: Ankara (287,000 jiwa), kota yang paling besar ialah Istanbul (1,180,000 jiwa).

Penduduk yang mendiami Turki dinamakan bangsa Turki, yang terdiri dari pelbagai macam bangsa yang bangsa-bangsanya termasuk rumpun – bahasa Turki yang terdapat di Asia dan Eropah Timur. Yang dinamakan bangsa-bangsa Turki antara lain ialah bangsa-bangsa Yakut Kergher, Uzbek, Turkuman, (Turkuman), Karakalpak, Seljuk, Omanli dan lain-lain. Juga bangsa-bangsa ini berasal dari pergunungan Altai. Mula-mulanya mereka hidup mengembawa



Adnan Menderes



Jalal Bayar – Bekas Presiden Turki

sambil berternak. Jumlah mereka semuanya ditaksir adalah kira-kira 60 juta jiwa.

Bahasa Turki atau Osmanli termasuk rumpun bahasa Ural-Altai. Sungguhpun pada zaman sultan-sultan Osmanli tak sedikit kata-kata Arab meresapi bahasa Turki, tetapi sejak Ataturk bertindak melawan pengaruh Arab (tahun 1928 huruf-huruf Latin dipakai; tahun 1929 dilarang menerbitkan buku-buku dengan huruf Arab), maka bahasa Turki boleh dikata “keluar kandang”.

Bangsa Turki berasal dari Mongolia; dari sini mereka mengembara ke Turkistan dalam abad yang keenam. Dalam abad yang ketujuh mereka masuk agama Islam.

1077. Bangsa Turki – Seljuk mendirikan kerajaan di Asia Kecil.

1299. Osman 1 mendirikan kerajaan Turki – Osmanli. Pada tahun 1354 orang Turki mulai menyerbu ke Eropah dengan menyeberangi

Selat Hellespont (Dardanelles).

1453. Istanbul jatuh ke tangan orang Turki.

1480. Seluruh Balkan jatuh ke tangan mereka.

Di bahagian pertama dari abad yang keenam belas mereka menaklukkan Mesir, Syria, negeri Arab, Iraq, Tripoli dan sebahagian besar dari Hungary.

1683. Orang Austria memukul mundur orang Turki dekat Vienna.

1699. Hungary direbut.

1804. Perjuangan kemerdekaan di Balkan mulai dengan pemberontakan di Serbia.

1821-1829. Orang Yunani memperjuangkan kemerdekaannya.

1853-1856. Perang Crimea; Rusia gagal dalam usahanya untuk menguasai Balkan; Serbia dan Romania Merdeka.

1877-1878. Perang Rusia – Turki; Turki terpaksa melepaskan Bulgaria seperti juga Bosnia dan Herzegovina yang diambil oleh Austria-

Hungary pada tahun 1908.

1908. Pemberontakan “Turki Muda”, undang-undang dasar (perlembagaan) dituntut dari Sultan.

1911-1912. Perang dengan Itali; Itali merebut Tripoli (di Afrika Utara).

1912-1913. Perang Balkan; bangsa Turki diusir

dari Ayania¹ dan Macedonia.

- 1914-1918. Dalam Perang Dunia yang pertama Turki turut berperang di pihak negara-negara Sentral; pada Perdamaian Sybaris (tahun 1920) Turki terpaksa melepaskan Syria, negeri Arab, Iraq dan Mesir.

1919. Yunani menduduki kota Smyrna.

1920. Mustafa Kamal Ataturk mendirikan pemerintahan di Ankara dan pada tahun 1921 mendirikan Republik Turki, lalu menjadi Presiden pertamanya.

1922. Bangsa Yunani diusir dari Asia Kecil.

Ataturk hendak menyesuaikan tata-hidup di Turki dengan tata-hidup di Eropah Barat.

1928. Agama Islam rasminya tidak lagi merupakan agama negara.

1934. Perjanjian bersama Balkan ditandatangani oleh Turki, Yunani, Romania dan Yugoslavia; maksudnya ialah jamin-jenjamin hak milik mereka.

Dalam Perang Dunia kedua Turki tetap berkecuali, hingga tahun 1945. Pada tahun tersebut Turki turut berperang di pihak Berikat.

Semenjak tahun 1950, Presiden Turki yang ketiga ialah Jalal Bayar² yang dilahirkan pada tahun 1884. Dari tahun 1923-1939 beliau menjadi Menteri Pembangunan, kemudian menjadi Menteri Perekonomian dan kemudian lagi menjadi Perdana



Ismet Inonu.

Menteri. Pada tahun 1945 didirikannya Parti Demokrat.

Sebelum Jalal Bayar, yang menjadi Presiden Turki menggantikan Mustafa Kamal Ataturk, ialah Ismet Inonu, yang dilahirkan pada tahun 1884. Namanya yang sebenar ialah Mustafa Ismet Basya, jeneral dan ahli politik bangsa Turki, Menteri Luar Negeri semasa pemerintahan Mustafa Kamal Ataturk, dan bertahun-tahun menjadi Perdana Menteri. Setelah diwajibkan memakai nama keluarga, maka ia menyebut dirinya Inonu (1934); Inonu ialah nama tempat dia mengalahkan bangsa Yunani di Asia Kecil (1922). Besar jasanya dalam

memodenkan Turki, baik di lapangan kebudayaan maupun ekonomi. Pada tahun 1938 digantikannya Ataturk sebagai Presiden dan sebagai pemimpin Parti Rakyat Republikan; dipilih kembali pada tahun 1942 dan tahun 1946. Ismet Inonu mencuba mempertahankan pengecualian Turki selama Perang Dunia Kedua, tetapi pada tahun 1945 beliau terpaksa memaklum perang kepada

¹ Kemungkinan berlaku kesalahan pada ejaan. Alternatif: Albania.

² Ejaan namanya dalam Turki adalah Celal Bayar.

Jerman, supaya kedudukan Turki dalam Bangsa-bangsa Bersatu terjamin. Pada tahun 1950 beliau tidak terpilih kembali jadi Presiden dan beliau digantikan sebagai Presiden oleh Jalal Bayar.

Yang menjadi Perdana Menteri semenjak tahun 1950 ini ialah Adnan Menderes. Siapakah Adnan Menderes itu? Orang banyak bertanya, kerana sebelum itu beliau tak terkenal kepada dunia.

Adnan Menderes orangnya kecil pendek, rambutnya hitam, pakaianya selalu rapi bersih teratur. Kalau kita berjumpa dia beliau di tengah khalayak yang banyak, beliau tak dapat kita tandai, begitulah gayanya seperti orang biasa sahaja. Tetapi orang kecil inilah yang sudah sepuluh tahun memegang punca pemerintahan Turki dengan kerasnya, bertindak sebagai seorang diktator yang tak mengizinkan dilakukan kecaman-kecaman oleh pihak pembangkang. Orang yang sederhana inilah yang telah memerintahkan mengharamkan Parti Liberal, menyuruh tutup beberapa buah surat khabar, menembak mahasiswa-mahasiswa yang menunjuk perasaan, serta menangkap beratus-ratus orang mereka itu, lagi pula menyuruh tahan sangat banyak jumlahnya orang-orang yang membangkang cara pemerintahannya. Juga dari pihak ketenteraan banyak pegawai-pegawai yang diberhentikannya, sehingga mendapat bangkangan dari sebahagian pihak tentera.

Sudah tentulah dengan cara pemerintahannya ini banyak sekali orang yang tak senang melihatnya menjalankan pemerintahan negara.

Adnan Menderes menceburkan dirinya ke dalam kancalah politik semenjak beliau berumur 31 tahun, iaitu semenjak tahun 1930. Dari kecilnya beliau

sudah mempunyai cita-cita untuk dapat pada suatu masa nanti memegang kendali pemerintahan negara. Akan tetapi cita-citanya itu sentiasa gagal. Baharulah setelah beliau berumur 51 tahun, kesempatan itu datang menemuinya. Sebelumnya itu hidupnya melarat, walaupun beliau sudah sedemikian lama menceburkan dirinya dalam politik. Beliau mendapat kekuasaan dalam tahun 1950, itu pun oleh kerana suatu kejadian politik yang tak disangka-sangka pula dalam tahun 1945, Adnan Menderes ialah salah seorang daripada empat orang yang telah menandatangani sebuah dokumen yang belakangan menjadi sebuah dokumen sejarah, yang bernama "Memorandum Empat Orang". Memorandum ini menganjurkan, supaya Parti Rakyat, yang pada ketika itu telah memerintah Turki selama dua puluh dua tahun terus-menerus dengan satu parti sahaja supaya cara ini diubah dan memungkinkan supaya Turki boleh mempunyai dua parti. Memorandum ini ialah benih daripada demokrasi Turki. Yang mengirimkan memorandum itu ialah Parti Demokrat. Yang mana Adnan Menderes ialah salah seorang anggotanya.

Lima tahun kemudian pada tahun 1950, ketika dilakukan pemilihan umum, Parti Demokrat mendapat kemenangan. Menderes akhirnya terpilih dan menemui cita-citanya. Jalal Bayar, salah seorang yang ikut menandatangani memorandum itu, diangkat menjadi Presiden, dan Menderes yang berkemahuan keras itu menjadi pemimpin Parti Demokrat, diangkat menjadi Perdana Menteri. Ketika beliau telah mendapat kekuasaan, Adnan Menderes mengubah keadaan ekonomi Turki dengan serta merta dan radikal, sebagaimana juga Kamal Ataturk telah mengubah keadaan politik dan

sosial negara Turki. Menderes mendirikan dan membangunkan fabrik-fabrik, jalanraya-jalanraya, pelabuhan-pelabuhan, universiti-universiti, kilang-kilang bahan makanan, rancangan-rancangan tenaga letrik, jambatan-jambatan dan banyak lagi yang lain-lain. Tak boleh orang mengatakan yang Turki hanya tinggal berdiam diri sahaja di dalam perekonomiannya.

Akan tetapi untuk mengejar tujuan-tujuan ini, Menderes lupa akan punca, bahawa ekonomi politik ialah kebijaksanaan mencapai kemakmuran dengan sumber-sumber yang terbatas. Adnan telah menciptakan kekayaan yang baharu; tetapi beliau telah mengabaikan sumber yang terbatas itu. Turki adalah sebuah negara pertanian, akan tetapi orang-orang tani tidak dikenakan cukai, malahan kepada mereka itu diberikan pinjaman-pinjaman yang besar, yang tidak diminta kembali pembayarannya. Dan kepada luar negeri beliau membuat pinjaman-pinjaman yang besar pula, yang harus dibayar kembali oleh negara dengan sumber-sumbernya yang terbatas itu. Menderes telah melaksanakan pembangunan dengan membabi buta. Beliau telah mendirikan lima belas kilang gula, satu dozen fabrik simen, sepuluh buah stesen tenaga letrik yang besar-besar, dan dua belas buah universiti, telah siap direncanakan. Berjuta-juta dolar Amerika dipergunakan untuk memperbaiki dan memperbaik bertambah indahnya kota Istanbul. Hanya sedikit sahaja ahli-ahli ekonomi yang terdapat di Turki. Orang-orang ini menentang Menderes dan menyatakan kalau Menderes meneruskan membabi buta akan wang negara sedemikian itu, maka Turki akan tergadai kepada luar negeri.

Maka sebenarnyalah politik ekonominya itu memberi celaka kepada Menderes. Ongkos-ongkos hidup membubung tinggi, di sana sini banyak terasa kekurangan bahan-bahan

keperluan sehari-hari yang penting-penting, pegawai-pegawai negeri yang bergaji kecil tak cukup nafkahnya. Dan mulai banyaklah orang yang membangkangnya: orang-orang terpelajar, kaum-kaum pekerja, ahli-ahli perniagaan dan juga pegawai-pegawai pemerintahan sendiri. Kerana tak dapat dan tak hendak mengubah politik-politiknya, Menderes telah mengambil keputusan menutup mulut pembangkang-pembangkang: mula-mula memperbuat undang-undang melarang kritik itu, kemudian dengan mempergunakan kekerasan. Tunjuk-tunjuk perasaan dibubarkan dengan kekerasan. Pemberontakan ditindas dengan keras. Suratkhabar-suratkhabar pembangkang tak boleh diterbitkan. Orang-orang ditahan dan ditangkap membabi buta, sehingga beribu-ribu orang banyaknya mendekam di penjara. Maka tidaklah hairan kita ketika mendengar berita yang Menderes kemudian mengharamkan dan menghapuskan pihak pembangkang dan dengan hal yang sedemikian maka partinya sahajalah yang berkuasa, yang menyebabkan Adnan Menderes menjadi seorang diktator. Maka tidaklah hairan kita kalau mahasiswa-mahasiswa mengambil tindakan dan menunjuk perasaan beribu-ribu orang banyaknya, sambil berteriak: "Menderes berhentilah kamu", "Kami tak mau dijajah, kami mau merdeka", "Menderes diktator, Menderes kejam, menindas rakyat" dan banyak lagi lain-lain perkataan yang menyeramkan bulu rom. Tunjuk-tunjuk perasaan ini semuanya ditindas dengan kekerasan, dan banyaklah orang yang menjadi korban. Sebahagian dari pihak ketenteraan memajukan bangkangan, akan tetapi orang-orang yang melakukan bangkangan itu ditangkap dan diberhentikan dari pekerjaannya.....

Maka tidaklah hairan kita, ketika pada hari

Jumaat 27 Mei, 1960, kita mendengar berita radio dari Ankara, bahawa pihak tentera telah merampas kuasa di Turki. Pihak tentera telah menangkap Presiden Jalal Bayar, Perdana

Menteri Adnan Menderes dan lain-lain anggota

pemerintahan serta mengepung kota-kota Istanbul dan Ankara.

Yang mengetuai perampasan kuasa itu ialah Jeneral Jamal

Gursel³. Jeneral Gursel ialah yang mengepalai

pasukan-pasukan tentera darat. Beliau berbadan sihat, tegap,

berambut putih dan berumur 60 tahun. Akan tetapi

dua bulan yang lalu beliau telah dicutikan. Jeneral itu

mendapat sokongan dari tentera laut dan udara.

Perampasan kekuasaan itu berlaku luar biasa cepatnya

dengan tidak ada pertumpahan darah. Gerakan itu mendapat

dokongan dari rakyat. Perdana Menteri Adnan Menderes

dan Menteri Kewangan Hasan Polatkan ditangkap di Turki

Tengah dan dibawa oleh pihak tentera ke Ankara. Selain dari

itu ditangkap juga Presiden Jalal Bayar, Menteri

Dalam Negeri Namik Gedik, Menteri Pertahanan Ethem

Menderes, Presiden Perwakilan Rakyat Refik Koraltan

dan Ketua *General Staff*, Jeneral Rustu Ardalan.

Yang memimpin pemerintahan sementara dilakukan

pemilihan umum ialah Jeneral Jamal Gursel dan

Jeneral Refik Tulga diangkat menjadi Datuk Bandar dan

gabenor tentera di Istanbul. Presiden Jalal Bayar

mencuba membunuh diri, tetapi tidak berhasil. Dia

terpaksa meletakkan jawatannya sebagai Presiden dan akan

dipilih kembali siapa yang akan menjadi Presiden pada

pemilihan umum.

Sementara itu Menteri Dalam Negeri Namik Gedik

telah berhasil membunuh diri dengan jalan menerjunkan

dirinya dari atas bangunan rumah sakit, tempat dia

dirawat.

Semua orang-orang tahanan yang beribu-ribu orang banyaknya

dibebaskan kembali. Orang banyak berteriak-teriak kesukaan

dan mereka membawa panji-panji yang bertulis: "Hiduplah

dan panjanglah usia ketenteraan."

Jeneral Ismet Inonu, yang berdiri di balik

layar, selama terjadi keributan-keributan ini, kembali muncul

di depan layar. Beliau ialah pemimpin dari parti pihak

pembangkang dan kembalilah orang-orang parti politik

mendatangi beliau untuk merancangkan suatu pemerintahan

yang baharu pada pemilihan umum, yang tak lama akan diselenggarakan

lagi

Pada 30 Mei, Turki telah aman kembali seperti

biasa, seakan tidak terjadi penggulingan pemerintahan

diktator Adnan Menderes. Kini semua orang tahanan

telah dibebaskan kembali, suratkhabar-suratkhabar yang diberhentikan

penerbitannya sudah terbit kembali dan semua perhubungan

diplomatik dan awam berjalan kembali sebagaimana

biasa Perampasan kuasa di Turki oleh pihak

ketenteraan telah berlaku, setelah terjadi kegelisahan dalam

negeri selama lebih dari dua tahun lamanya dan sebulan

lebih lamanya terjadi pemberontakan-pemberontakan yang luas.

Turki dengan pemerintahan sementara yang baharu ini,

tetap mengakui perjanjian-perjanjiannya dengan luar negeri dan

dengan NATO dan lain-lain perjanjian keamanan dan pertahanan

negeri.

Buat sementara waktu, sehingga diadakan kembali

³ Ejaan namanya dalam Turki ialah Cemal Gursel.

Al-Marhum Tuan Haji Khalil Mufti Melaka

Dengan sedihnya diberitakan, sebuah lagi lampu yang sekian lama menyinari masyarakat Islam Melaka telah padam dengan meninggalnya Tuan Haji Khalil bin Haji Hussin, Mufti negeri Melaka, dalam usia 82 tahun.

Almarhum telah meninggal dunia pada pukul 10 pagi hari Jumaat, 15 Zulhijjah 1379 (10 Jun 1960) dan jenazahnya telah selamat dikebumikan pada petang itu juga di Tanah Perkuburan Hujung Pasir.

Selain daripada berjawatan Mufti, almarhum juga menjadi Imam Masjid Kampung Hulu Melaka dan guru agama yang terkenal. Banyak murid-muridnya yang menampung ilmu daripadanya semasa hayatnya.

Beliau terkenal bersikap keras dan tegas dalam sesuatu masalah yang dipertahankannya, dan tidak mengenal sikap tolak ansur walaupun banyak orang yang membantahnya.

Mudah-mudahan Allah cucuri rahmat dan dihimpunkan rohnya dalam kumpulan *ahl al-Jannah* serta ilhamkan sabar kepada kaum keluarga, murid-murid dan sahabat handainya.

pilihan umum, Jeneral Gursel memangku jawatan-jawatan Presiden, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Komander semua angkatan ketenteraan, baik darat, laut maupun udara. Salim Serfir diangkat menjadi Menteri Luar Negeri.

lagi riwayatnya. Adapun pemerintahan Adnan Menderes mendapat sokongan besar dari petani-petani dan kaum-kaum Islam di Turki, yang telah banyak memperbaik perbaikan bagi keadaan kehidupan mereka itu. Apa pula gerak geri mereka itu selama pemilihan umum yang akan datang ini, marilah sama-sama kita tunggu dan Dengarkan.

Adnan Menderes, Jalal Bayar dan kawan-kawannya akan dihadapkan ke muka pengadilan. Sementara itu mereka semuanya tetap masih berada dalam tahanan.

Turki, yang sangat anti-Rusia dan Pro Barat adalah sarang tempat kedudukan *spy-spy* internasional dan tidaklah hairan kita, kalau negara ini sentiasa menjadi kancan dan medan pertelingkahan politik dunia

Marilah sama-sama kita persaksikan apa-apa yang akan terjadi lagi di Turki pada masa depan ini. Kerana menurut pendapat penulis, kejadian-kejadian itu belum habis